

TUNTUTAN MESIR MENGERUHKAN LAGI KEADAAN DUNIA

Kedudukan yang hebat harus terjadi sesudah kejadian Korea ialah tuntutan Mesir memansuhkan perjanjiannya dengan kerajaan British pada 26 Ogos 1936 dengan menuntut supaya askar-askar British dikeluarkan daripada kawasan terusan Suez. Tuntuan itu telah diisytiharkan oleh Al-Malik Farouk Raja Mesir pada pertengahan bulan November 1950 dalam masa membuka persidangan parlimennya.

Tuntutan ini adalah mengejut dan memeranjatkan oleh kerana dalam masa kegentingan dunia pada masa sekarang suatu tuntutan Mesir yang nampaknya akan menyampaikan tuntutan mereka dan harus menggunakan kekerasan adalah menjadi suatu perkara yang membayangkan kejadian itu akan berlaku jika tidak di dalam sedikit masa akan terbit juga apabila berbangkit perperangan dunia yang ketiga yang riak-riak nampaknya menunggu saatnya jua lagi.

Menurut perjanjian bulan Ogos 1936 yang ditandatangani di London itu telah bersetuju bahawa pendudukan tentera British di sana ditamatkan, Mesir dipersetujui masuk dalam Lembaga Bangsa-Bangsa, bertukar-tukaran menteri-menteri utusan (duta) dan membenarkan kerajaan British meletakkan sepuluh ribu askarnya bersama-sama dengan 400 orang angkatan kapal terbang di kawasan terusan Suez.

Tegahan pertadbiran Mesir di Sudan semenjak tahun 1924 telah dihapuskan. Perjanjian itu boleh dibuat semula selama 20 tahun ataupun 10 tahun kemudian daripada tarikh itu. Perjanjian itu buat sementara memuaskan orang-orang Mesir terutamanya apabila melihat ugutan-ugutan Itali pada masa itu di sempadannya bersama-sama berperang di dalamnya oleh sebab sama ada terpaksa atau tidak Mesir mesti berdiri bersama-sama bagi menyelamatkan jalan lalu lalang di terusan Suez yang sangat mustahak itu. perjanjian ini ditandatangani bagi

pihak Mesir oleh An-Nahas Basya yang pada masa itu menjawat jawatan Perdana Menteri sekarang ini juga menjadi Perdana Menteri yang menghendaki supaya perjanjian itu dirombak dan menuntut kemerdekaan yang tepat atas Mesir dan menghendaki juga supaya Sudan terletak di bawah pemerintahannya.

Oleh kerana perdirian Jemaah Menteri An-Nahas Basya yang ada hari ini berdiri di atas aras rakyat jelata Mesir maka bolehlah dikatakan tuntutannya itu adalah dengan kemahuan rakyat jelata dan dengan demikian tidaklah hairan banyak kejadian-kejadian perarak-an-perarakan yang hebat menghendaki supaya kerajaan mendatangkan kekerasan atau berkeras menyampaikan tuntutan mereka itu kepada kerajaan British yang jika tidak mahu keluar dikehendaki mereka itu dengan berjuang. Inilah perkara sekarang yang diperjuangkan oleh umat Mesir yang telah melihat dan mengalami bahawa sesuatu itu tidak akan didapati mereka di dalam masa aman dan sejahtera oleh kerana sudah teradat kepada penjajahan-penjajahan Barat ia tidak akan melepaskan sesuatu itu dengan begitu sahaja – sebagaimana yang telah pernah dijanjikan mereka kepada mereka itu.

Daripada riak-riak yang ada maka tuntutan Mesir menghendaki supaya tentera-tentera British keluar daripada tanahnya adalah disokong oleh negeri-negeri Arab yang lain juga oleh Syuruk Al-Ardan yang terkenal sebagai sebuah kerajaan Arab yang kecil yang sangat “kasih” kepada kerajaan British. Selain daripada tuntutan itu Mesir menuntut juga supaya kerajaan British membayar hutangnya sebanyak 400 million pound emas yang telah dipinjamnya kepada kerajaan Mesir di dalam masa Perang Dunia yang Kedua dahulu.

Adakah tentera British akan keluar daripada terusan Suez? Inilah menjadi suatu soal yang sangat payah hendak menjawabnya. Terusan Suez itu ialah tali

perhubungan di antara kerajaan-kerajaan Barat dengan Timur Jauh. Perhubungan di dalam masa perang akan terganggu apabila terusan itu tertutup. Segala kapal-kapalnya terpaksa berpusing menerusi Tanjung Pengharapan di Selatan benua Afrika yang sudah tentu akan memakan masa yang lanjut yang jika terjadi sesuatu peperangan yang serta merta sudah tentu keadaannya akan lumpuh terutamanya bekalan-bekalan minyaknya sememangnya ada atau tertumpu di kawasan-kawasan dan daerah teluk Parsi.

Menyerahkan terusan Suez kepada kerajaan Mesir bermakna meletakkan perhubungannya dengan Timur Jauh itu dengan ihsan kerajaan Mesir dan jika kerajaan Mesir berkecuali di dalam peperangan dunia yang akan datang maka teranglah bagaimana bencana yang akan dihadapi olehnya. Dengan itu pihak kerajaan British dengan terang-terang menyatakan bahawa ia tidak akan keluar daripada terusan Suez dan suaranya itu disokong pula oleh kerajaan Amerika, sokongan yang mana menaikkan kemarahan penduduk-penduduk di Mesir kepada kedua-dua kerajaan itu terutamanya kepada kerajaan Amerika yang telah pun menunjukkan perasaan-perasaan permusuhan di antaranya dengan Mesir di dalam masa yang akhir-akhir ini terutamanya kepada cercaan-cercaan yang hebat terhadap kepada Raja mereka itu iaitu perkara-perkara yang dapat kita ketahui adanya dari semasa ke semasa yang selalu menyebarkan berita-berita yang buruk melalui Associated Paris terhadap kepada Raja Farouk.

Di dalam masa menulis ini perundingan di antara ahli-ahli siasah kedua-kedua kerajaan itu sedang berjalan tetapi keputusannya belum didapat. Sementara itu penuntut-penuntut di Mesir telah meruap-ruap perasaannya, darahnya telah mendidih naik kegembiraannya menuntut supaya tentera British dilapangkan

dari bumi Mesir dengan serta merta. Masa juga yang akan menetapkan adakah tuntutan Mesir akan disudahi dengan menggunakan senjata sekiranya British tidak mahu meninggalkan negerinya?

Patut disebut apabila terbit tuntutan-tuntutan Mesir semenjak tahun 1916 maka telah dipersetujukan bahawa tentera-tentera British keluar daripada daerah Kaherah pada tahun 1949 dan dengan demikian maka yang tertinggal lagi ialah tentera-tenteranya di terusan Suez untuk menjaga keselamatannya di dalam daerah itu.

Dunia sekarang sudah memandang dengan tepat kepada kejadian itu kerana di sebalik kepayahan-kepayahan yang dihadapi itu maka telah terlihat dengan nyatanya merbahaya di Korea itu jika dijangka membawa kepada Perang Dunia yang Ketiga maka harus dalam masa itulah Mesir akan melangkah mengerasi supaya terusan Suez itu diletakkan di dalam kuasanya adanya.



Jeneral-jeneral Mesir sedang memerhati keadaan peta medan perjuangan di Palestin dalam mana banyak tentera-tentera mereka telah dihantar ke sana kerana mempertahankan kemuliaan tanah suci ini sedikit masa yang lalu.